

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 AUGUST 2016

Dr. Mahathir langgar prinsip sendiri – Siew Keong

UM-15/8/2016

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia di bawah naungan Tun Dr. Mahathir Mohamad, disifatkan sebagai bertentangan dengan prinsip yang dilaungkan oleh bekas Perdana Menteri itu semasa memerintah negara selama 22 tahun, kata Presiden Gerakan, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Sambil melahirkan rasa kecewa terhadap bekas pemimpin tertinggi negara itu, beliau berkata, parti berasaskan kaum itu juga tidak relevan dengan kehendak semasa.

“Penubuhan parti itu dilihat bertentangan dengan prinsip-prinsip yang dibawanya (Mahathir) termasuk Wawasan 2020 dan bangsa Malaysia yang sering diuar-uarkan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

“Saya juga hairan dengan tindakan mereka yang mahu tubuhkan parti berasaskan kaum pada



MAH SIEW KEONG

zaman moden ini. Bagi saya, ini hanya bertujuan mencapai matlamat politik tertentu.

“Jika dibandingkan dengan UMNO, MCA dan MIC yang ditubuhkan sewaktu zaman pemerintahan British, meskipun ia mewakili kaum, kita perlu memahami sejarah penubuhannya yang bertujuan mera-

patkan jurang perbezaan antara masyarakat berbilang kaum dan untuk membantu mendapatkan kemerdekaan,” katanya, dalam sidang akhbar selepas menghadiri Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Selangor 2016, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Gerakan Selangor, Datuk Ang Chin Tat.

Baru-baru ini, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyerahkan borang permohonan bagi pendaftaran parti Pribumi di Pejabat Pendaftar

Pertubuhan di Putrajaya.

Muhyiddin berkata, Pribumi terbuka kepada semua orang Melayu, Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak, manakala orang bukan Melayu dialu-alukan sebagai ahli bersekutu.

Siew Keong juga berharap rakyat dapat menilai motif sebenar penubuhan parti itu dengan sebaik-baiknya.

“Saya yakin jika semua komponen Barisan Nasional (BN) terus berusaha, BN boleh melakukan lebih baik daripada pilihan raya umum yang lalu walaupun banyak parti baharu ditubuhkan,” katanya.

Siew Keong berkata, Gerakan juga mengutuk sekeras-kerasnya sebarang penganjuran demonstrasi jalanan termasuk Bersih 5.0 dan perhimpunan rakyat bersatu (baju merah) yang boleh mencemarkan nama baik negara ini.

“Bagi saya, ini satu tindakan yang tidak wajar dilakukan kerana demonstrasi jalanan boleh menggugat ketenteraman awam dan menjejaskan pelaburan dan pelancongan negara,” ujarnya.